

0433

U 8632 DEB
SEMARAK - MAHATHIR

SIK, 27, 0608 (BERMAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR, MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN TOHMAHAN KONONNYA BELIAU SEORANG PEMIMPIN DITAKTOR KERAMA TERDAPAT BUKTI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA CALON YANG BUKAN DARI PARTI KERAJAAN BOLEH MENANG DALAM PILIHAN RAYA DI NEGARA INI.

KATANYA, CALON PARTI KERAJAAN BOLEH KALAH JIKA RAKYAT MENOLAKNYA DAN INI TIDAK BERLAKU DI NEGARA AUTOKRATIK DAN DIKTATOR.

SEMASA BERUCAP MERASHMIKAN PELANCARAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT PERINGKAT NEGERI KEDAH DI TAMAN PERANGIN DI SINI, BELIAU BERKATA DI NEGARA-MESARA DITAKTOR KEMENANGAN CALON PARTI KERAJAAN ADALAH 99.9 PERATUS TERJAMIN.

BELIAU BERKATA BAHAWA PILIHAN RAYA DI NEGARA INI DIADAKAN SECARA JUJUR DAN IKHLAS DAN BUKAN PILIHAN RAYA OLOK-OLOK YANG DIADAKAN DI NEGARA DITAKTOR.

KATANYA, DI MALAYSIA, CALON-CALON BUKAN DARIPADA PARTI KERAJAAN JUGA BEBAS +KE SAMA, KE SINI, MELEMPAR FITNAH, UGUT SERTA BEBAS BERKEMPEN.+ -- LAGI.

1732MST 27 08 88

0435

U 8634 DEB
SEMARAK - MAHATHIR 2 SIK

KEKALAHAN CALON PARTI KERAJAAN JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA TIDAK ADA PEMIPUAN BERLAKU DALAM PILIHAN RAYA DI NEGARA INI.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, TERDAPAT TOHMAHAN KONONNYA KERAJAAN SEKARANG, KHUSUSNYA BELIAU, ADALAH DITAKTOR.

+BUKTI-BUKTI INI MENUNJUKKAN MEREKA (ORANG-ORANG YANG MENYEBARKAN TOHMAH ITU) ADALAH AHLI-AHLI PEMBOHONG, PENIPU DAN MENAKUT-NAKUTKAN RAKYAT KERANA KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI,+ KATA BELIAU KEPADA KIRA-KIRA 100,000 RAKYAT JELATA YANG PENUH SESAK DI KANASAN PERKELAHAN AIR TERJUN ITU.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENEGASKAN BAHAWA SESIAPA JUA BEBAS BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA DAN TIDAK ADA LARANGAN BAGI ORANG-ORANG TERTENTU UNTUK MENYERTAI MANA-MANA PARTI POLITIK, LANTAS MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN PERCAYA KEPADA KECEKAPAN RAKYAT MEMILIH WAKIL-WAKIL MEREKA. -- LAGI.

1736MST 27 08 88

0444

U 8645 DEB
SEMARAK - MAHATHIR 3 SIK

SEBELUM ITU PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA BERNASPADA AGAR NEGARA INI TIDAK TERJATUH KE TANGAN +PENJAJAH+ LAGI. BELIAU MEMBERIKAN CONTOH KEJATUHAN MELAKA KE TANGAN PORTUGIS YANG MENURUTNYA IALAH KERANA TERDAPAT PENDERHAKA BERNAMA KITOL YANG MEMBOCORKAN RAHSIA KEPADA PORTUGIS.

BELIAU LALU MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN BERFIKIR BAHANA ORANG SEPERTI ITU SUDAH TIADA LAGI.

ORANG-ORANG SEPERTI ITU AKAN MUNCUL SEMULA DAN MENJUALKAN NEGARA KEPADA PENJAJAH, WALAU +PENJAJAH+ DALAM NEGARA INI SEKALIPUN.

+ADA ORANG-ORANG MELAYU YANG MENYERAHKAN KEDUDUKAN MEREKA KEPADA GOLONGAN YANG ANTI ORANG MELAYU,+ TAMBAH BELIAU.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, WALAUPUN TERDAPAT PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI, KAUM-KAUM ITU YANG MENYERTAI PARTI-PARTI MCA, MIC, GERAKAN DAN LAIN-LAIN ADALAH GOLONGAN YANG BERSIMPATI SERTA BERSETUJU DENGAN DASAR-DASAR YANG DIGUBAL OLEH KERAJAAN KERANA DASAR-DASAR ITU ADALAH DASAR-DASAR YANG ADIL.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGAIMANAPUN TERDAPAT SESETENGAH PARTI POLITIK YANG MEMENTANG ASAS PERPADUAN DALAM NEGARA INI DAN MEREKA INGIN MENJATUHKAN KERAJAAN DENGAN APA CARA SEKALIPUN. -- LAGI.
1752MST 27 08 88

0445

U 8646 DEB
SEMARAK - MAHATHIR 4 SIK

BELIAU BERKATA, TERDAPAT TANDA-TANDA YANG MENUNJUKKAN ORANG-ORANG YANG GAGAL MEREBUT KUASA TELAH MENJEMPUT GOLONGAN ITU MENYOKONG MEREKA, TIDAK KIRA SAMA ADA GOLONGAN ITU MENGANCAM PERPADUAN ATAU BERSIKAP PENJAJAH

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT BAHWA ORANG-ORANG ITU AKAN MENGGUNAKAN BERMACAM-MACAM TAKTIK UNTUK MEMBURUKKAN KERAJAAN, TERMASUK MEMBURUK-BURUKKAN ORANG LAIN DAN MENGOTORKAN IMEJ ORANG LAIN DENGAN CERITA-CERITA PALSU.

BELIAU BERKATA SUDAH ADA ORANG-ORANG YANG TERPENGARUH DAN TERPESONG DENGAN TAKTIK-TAKTIK YANG MEREKA GUNAKAN.

KATANYA, ORANG-ORANG ITU TIDAK AKAN MENGAMALKAN DEMOKRASI JIKA MEREKA DAPAT MEMERINTAH NEGARA KERANA MEREKA TAKUT KEPADA RAKYAT.

GOLONGAN ITU JUGA TIDAK SAMA SEKALI BERSIMPATI DENGAN GOLONGAN YANG MISKIN TERMASUK BUMIPUTERA DAN ORANG DI LUAR BANDAR.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA MENGENANG KEMBALI SEJARAH NEGARA INI YANG PERNAH DIKUASAI OLEH NEGARA ASING KERANA ORANG YANG LUPA SEJARAH AKAN MENDAPAT BALASAN APABILA SEJARAH BERULANG. -- BERNAMA.

1754MST 27 08 88